

Rawatan pesakit glaukoma diperluaskan

Kuala Lumpur 12 Mac - Kemudahan bagi merawat pesakit glaukoma akan diperluaskan ke hospital awam di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata, setakat ini, hanya sembilan hospital kerajaan mempunyai kemudahan dan pakar bagi merawat penyakit berkaitan mata itu. "Kita merancang untuk menambah lebih ramai pakar berkaitan penyakit ini di hospital kerajaan. Langkah ini perlu memandangkan semakin ramai rakyat Malaysia yang mendapat penyakit ini," katanya.

Beliau bercakap pada sidang akhbar selepas merasmikan Hari Glaukoma Sedunia di sini hari ini.

Menurut Rosnah, statistik terbaru menunjukkan sebanyak 1.8 peratus daripada keseluruhan rakyat Malaysia dikesan mempunyai penyakit glaukoma dengan kira-kira 7,000 orang mendapatkan rawatan susulan di hospital pada 2008. Katanya, glaukoma ialah penyakit mata yang menyebabkan tekanan mata meningkat dengan tinggi dan mengakibatkan kerosakan pada saraf mata. "Glaukoma adalah sejenis penyakit senyap yang boleh menyebabkan buta secara perlahan-lahan. Jika tidak dikesan dan dirawat dengan segera, seseorang itu akan menjadi buta sepenuhnya.

"Ini kerana tiada ubat yang mampu menyembuhkan penyakit ini sepenuhnya selain rawatan pencegahan apabila ia dapat dikesan lebih awal," katanya.

Rosnah berkata, tahap kesedaran di kalangan rakyat Malaysia mengenai penyakit itu masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain. Sehubungan itu, katanya, masyarakat di negara ini perlu membuat pemeriksaan mata secara berkala sebagai usaha mencegah daripada mendapat penyakit itu.